

# LAWATAN KERJA JAWATANKUASA SIASATAN TADBIR URUS, PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN (JKSTUPKK)

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4178-lawatan-kerja-jawatankuasa-siasatan-tadbir-urus-perolehan-dan-kewangan-kerajaan-jkstupkk](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4178-lawatan-kerja-jawatankuasa-siasatan-tadbir-urus-perolehan-dan-kewangan-kerajaan-jkstupkk)



SENDAYAN, 27 Oktober 18 - Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin bin Buang selaku Pengerusi JKSTUPKK telah melaksanakan lawatan kerja ke Pangkalan Udara Sendayan bagi melihat secara lebih dekat pembangunan di sini.

Ketibaan rombongan telah disambut oleh Pemangku Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM serta Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Hj Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM.



Dalam rangka lawatan, Tan Sri Ambrin bin Buang dan JKSTUPKK telah diberikan taklimat ringkas berkenaan Pangkalan Udara Sendayan oleh AKS Perancangan dan

Pembangunan, Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Hj Ahmad TUDM dan seterusnya kesemua rombongan dibawa melawat sekitar kawasan pangkalan bagi melihat bangunan pejabat dan kediaman.



Turut serta dalam lawatan kerja ini adalah TKSU Pembangunan, Puan Mastura binti Ahmad Mustafa, Pegawai Kanan TUDM dan Kementerian Pertahanan serta kontraktor-kontraktor yang terlibat.